



KENDERAAN bergerak lancar selepas pembukaan semula lorong SMART di susur masuk Jalan Tun Razak menghala ke Sungai Besi, Kuala Lumpur, semalam.

SMART dibuka kesesakan pulih

KUALA LUMPUR 26 Mac - Kesesakan lalu lintas yang dialami warga kota sejak beberapa hari lalu kembali pulih seperti biasa apabila Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan Raya (SMART) dibuka semula kepada semua kenderaan petang ini.

Terowong yang mula dibuka kepada pengguna jalan raya pada pukul 5 petang itu berjaya melancarkan perjalanan orang ramai teruta-

ma mereka yang mahu pulang selepas waktu kerja.

Jurucakap Bilik Kawalan SMART memaklumkan orang ramai sudah mula menggunakan terowong itu yang dibuka kepada semua kenderaan dari arah utara dan selatan.

Katanya, sehingga kini, semua pergerakan kenderaan yang melaluinya berjalan lancar.

"Kita akan terus membuka te-

rowong SMART ini dan ia dikekalkan sekiranya keadaan mengizinkan dan cuaca baik," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Terowong SMART ditutup oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sejak Sabtu lalu bagi membolehkan penyaluran air ke kolam-kolam takungan bagi mengelak banjir kilat ekoran hujan lebat sejak beberapa hari lepas.